

BIL		TARIKH	SURATKHABAR
1	NEGARA PERLU 45 % PEKERJA BERKEMAHIRAN TINGGI	7 OKTOBER 2022	UTUSAN MALAYSIA
2	PERPUSTAKAAN AWAM SEMAKIN SEPI, PERANAN BERUBAH	7 OKTOBER 2022	UTUSAN MALAYSIA
3	UBAT BATUK DAN DEMAM KELUARAN INDIA DICEMARI E.COLI	7 OKTOBER 2022	UTUSAN MALAYSIA
4	MALAYSIA PERLUKAN 45% PEKERJA MAHIR JIKA MAHU BERSAING	7 OKTOBER 2022	BERITA HARIAN
5	PENINGKATAN KADAR HUTANG NEGARA PERLU DITANGANI	7 OKTOBER 2022	BERITA HARIAN
6	3919 GRADUAN UNIVERSITI UCSI HADIR KONVOKESYEN	11 OKTOBER 2022	BERITA HARIAN
7	PROJEK BETTERSEA POWER STATION DIBUKA KEPADA UMUM	12 OKTOBER 2022	SINAR HARIAN
8	RASULULLAH MENGINGATI UMATNYA SEPANJANG MASA	13 OKTOBER 2022	HARIAN METRO
9	RINGAN BEBAN 28,278 PENUNTUT	13 OKTOBER 2022	HARIAN METRO
10	PASARAN GLOBAL CECAH AS\$200B	17 OKTOBER 2022	HARIAN METRO
11	LAHIR USAHAWAN SISWAZAH MUDA	17 OKTOBER 2022	HARIAN METRO
12	MANTAPKAN EKONOMI BUMIPUTERA	18 OKTOBER 2022	HARIAN METRO
13	PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JANA RM15,000 SEBULAN	20 OKTOBER 2022	SINAR HARIAN

Negara perlu 45% pekerja berkemahiran tinggi

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 45 peratus pekerja berkemahiran tinggi sekiranya mahu bersaing dengan negara-negara terkemuka dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ini kerana berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan pekerja berkemahiran tinggi di Malaysia hanya mewakili 29.6 peratus.

Justeru kata beliau, amat penting merancang semula ekosistem teknologi dan inovasi bukan sahaja menerusi bekalan bakat berterusan, tetapi juga berusaha mengurangkan brain drain di dalam kalangan bakat-bakat hebat tempatan.

"Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan komited menyediakan infrastruktur terbaik untuk memacu inovasi tempatan.

"Apa yang diperlukan sudah pasti sebuah lokasi sebagai hab inovasi dengan infrastruktur yang bersepadu.

"Ini bermakna negara memerlukan sebuah taman teknologi yang menjadi titik pertemuan pemegang taruh antaranya inovator, penyelidik dan pelabur bagi mengukuhkan ekosistem



ISMAIL Sabri Yaakob melawat pameran dalam Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman Mranti dan Penjenamaan Baharu Mimos Bhd. di Mranti Park Bukit Jalil, semalam. - UTUSAN/SHIDDIQIN ZON

STI, selain mampu menarik pelaburan langsung asing dan domestik bagi memacu ekonomi negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman Malaysian Research Accelerator For Technology And Innovation (Mranti)

dan Penjenamaan Baharu Mimos Berhad di Mranti Park, Bukit Jalil, dekat sini, semalam.

Menurut Perdana Menteri, sehubungan itu kerajaan meluluskan sebanyak 99 projek dan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi bernilai RM5.6 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-

12 (RMK12) bagi menyokong usaha-usaha pembangunan sektor inovasi.

Katanya, melalui National Technology and Innovation Sandbox (NTIS), sebanyak 163 syarikat telah diluluskan dan menerima sokongan pembiayaan sebanyak RM67 juta, bantuan kawal selia, teknikal dan kepakaran.

SENYUM KAMBING

Apa tanda pilihan raya sudah hampir?



Apabila mesin tar jalan ada di merata-rata.

MENARIK DI DALAM

GAYA HITS
Biar karya yang berbicara - Angga Candra
»21



Perpustakaan awam semakin sepi, peranan berubah


Oleh **MARLLISA ANTONY**
marllisa.antonny@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Lebih 600,000 rakyat Malaysia mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) secara maya setakat Ogos lalu berbanding 29,716 berkunjung secara fizikal.

Jumlah ini sekali gus menunjukkan minat rakyat membaca masih tinggi, namun, kebanyakannya memilih bahan bacaan secara digital.

Malah, perpustakaan pada zaman ini bukan seperti dahulu, sebaliknya dilengkapi dengan kemudahan WiFi, komputer meja, ruang santai, kafe, bilik perbincangan dan sebagainya.

Naib Presiden II Persatuan Pustakawan Malaysia, Dr. Faizal Mohd Hamzah berkata, perpustakaan sekarang sudah moden kerana ia bukan lagi hanya tempat untuk belajar dan membaca secara senyap.



MUHAMMED Iqram Azami akan mengunjungi perpustakaan awam setiap kali cuti bekerja di Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/ KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

“Sebagai contoh, Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM) akan mengadakan Fashion Show Week pada Disember akan datang di perpustakaan tersebut bagi membuktikan perpustakaan ini sebuah entiti yang proaktif serta bagi menggalakkan orang ramai mengunjunginya.

“Perpustakaan Awam Pahang pula, mereka tidak terkesan langsung dengan isu relevan ke tidak kerana kunjungan masih ramai sebelum dan selepas pandemik disebabkan mereka sangat aktif dengan sentiasa melakukan pelbagai jenis program,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, Perpustakaan Awam Kedah menerima 41,604 pengunjung fizikal pada tahun 2021 dan 27,366 sehingga Ogos lalu manakala di laman sesawang pula seramai 36,431 pengunjung pada tahun 2021 dan 24,949 sehingga Ogos lalu.

“Walaupun perpustakaan

fizikal masih relevan, budaya membaca tidak boleh diukur dari jumlah kehadiran pengunjung ke perpustakaan fizikal sahaja kerana ramai sudah beralih dari cara konvensional ke digital.

“Sebelum pandemik dapat dilihat lebih ramai berkunjung ke perpustakaan namun, semasa pandemik jumlah kunjungan jatuh mendadak tetapi ramai mula menggunakan carian digital iaitu U-Pustaka,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Kajian Keperbagaian Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Anuar Ahmad berkata, sudah sampai masanya perpustakaan di Malaysia mengembangkan peranannya dengan menjadi pemangkin kepada aktiviti masyarakat setempat.

“Perpustakaan tidak boleh memfokuskan kepada penyimpanan buku sahaja tetapi ruang mencari jaringan dan merapatkan ukhuwah,” ujarnya.

7 OKTOBER 2022

UTUSAN | UBAT BATUK DAN DEMAM KELUARAN INDIA DICEMARI E.COLI | MS 39

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 7 OKTOBER 2022

39

Luar Negara

Ubat batuk dan demam keluaran India dicemari E.coli

66 kanak-kanak maut

GENEVA: Pertubuhan Kesihatan sedunia (WHO) mengeluarkan notis mengenai ubat batuk dan yang dihasilkan oleh Maiden Pharmaceuticals di India.

Badan itu memaklumkan, ubatan berkenaan mungkin boleh dikaitkan dengan kematian seramai 66 kanak-kanak di Gambia.

WHO menjelaskan, ubat yang sudah dicemari itu mungkin ada yang diedarkan di luar negara Afrika Barat, sekali gus mencecutkan 'pendedahan global berbahaya'.

Ketua WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata, ubat demam dan batuk itu mempunyai kaitan dengan kecederaan buah pinggang akut dan 66 kematian dalam kalangan kanak-kanak.

"Kehilangan semua kanak-kanak itu amat menyedihkan buat keluarga mereka dan juga

kami.

"Sehubungan itu, WHO akan menyiasat secara teliti dengan syarikat tersebut dan pihak berkuasa kesihatan di India," katanya.

Berdasarkan notis peringatan yang dikeluarkan WHO, antara ubat yang dicemari termasuk Promethazine Oral Solution, Kofexmalin Baby Cough Syrup, Makoff Baby Cough Syrup dan Magrip N Cold Syrup.

Semalam, pihak berkuasa Gambia mula mengumpul sirap paracetamol dan promethazine dari kawasan pinggir bandar.

Siasatan yang dilakukan pihak berkuasa kesihatan Gambia sejak Julai lalu mendapati bakteria E.coli mungkin menyebabkan kegagalan fungsi buah pinggang dalam kalangan kanak-kanak yang mengambil ubatan berkenaan. - AFP

SERAMAI 66 kanak-kanak di Gambia maut selepas mengambil empat jenis ubat batuk dan demam yang dihasilkan di India. - AGENSI



7 OKTOBER 2022

BH | MALAYSIA PERLUKAN 45% PEKERJA MAHIR JIKA MAHU BERSAING | MS 6

6

Nasional

Jumaat, 7 Oktober 2022 BH

Malaysia perlukan 45 peratus pekerja mahir jika mahu bersaing

Negara kena rancang teknologi, inovasi serlah bakat hebat tempatan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 45 peratus pekerja berkemahiran tinggi jika mahu bersaing dengan negara terkemuka dunia, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Perdana Menteri berkata, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan pekerja berkemahiran tinggi di Malaysia hanya mewakili 29.6 peratus.

Justeru, beliau berkata, amat penting untuk negara merancang semula ekosistem teknologi dan inovasi, bukan saja menerusi bekalan bakat yang berterusan, tetapi juga berusaha mengurangkan 'brain drain' dalam kalangan bakat hebat tempatan.

"Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan komited menyediakan infrastruktur terbaik untuk memacu inovasi tempatan. Apa yang diperlukan sudah pasti sebuah lokasi sebagai hab inovasi dengan infrastruktur bersepadu.

"Ini bermakna negara memerlukan sebuah taman teknologi yang menjadi titik pertemuan pemegang taruh antaranya inovator, penyelidik dan pelabur bagi mengukuhkan ekosistem Sains,

Teknologi dan Inovasi (STI), selain mampu menarik pelaburan langsung asing dan domestik bagi memacu ekonomi negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya berucap melancarkan Pelan Induk Taman MRANTI dan penjenamaan semula MIMOS Berhad kepada MIMOS Global di sini, semalam.

Penjenamaan semula MIMOS Berhad kepada MIMOS Global bagi melambangkan imej baharu lebih meluas, bersesuaian dengan daya saing bidang teknologi yang tidak mengenal sempadan.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamad.

99 projek dilulus

Ismail Sabri berkata, kerajaan sudah meluluskan 99 projek dan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) bernilai RM5.6 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Melalui National Technology and Innovation Sandbox (NTIS), sebanyak 163 syarikat sudah diluluskan dan menerima sokongan pembiayaan RM67 juta, bantuan kawal selia, teknikal dan kepakaran," katanya.

Ismail Sabri berkata, Kuala Lumpur adalah lokasi terbaik bagi inisiatif taman teknologi dan inovasi apabila disenaraikan sebagai antara 10 hab inovasi terunggul di Asia Pasifik berdasarkan Tinjauan Industri Teknologi Global 2021 oleh KPMG.

"Taman MRANTI ini adalah hab inovasi terunggul di Mala-



Ismail Sabri melawat pameran inovasi pada Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman MRANTI dan penjenamaan semula MIMOS Berhad kepada MIMOS Global di MRANTI Park, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

aysia yang akan memberi tumpuan kepada tiga teras pembangunan iaitu inovasi, kemampuan alam sekitar dan budaya urban (atau setempat).

"Kawasan seluas 277.6 hektar ini sudah menarik minat banyak syarikat teknologi, termasuk Intervenn Biosciences, Dedikasi Aba Biosciences, BoomGrow, Spygene Laboratories, Vivantis Technologies dan Reszon. Tahun ini, beberapa lagi syarikat teknologi antarabangsa menunjukkan minat bertapak di kawasan ini," katanya.

Katanya, Pelan Induk baharu Taman MRANTI juga memupuk keupayaan Malaysia dalam Re-

volusi Industri 4.0 (IR4.0) dan juga teknologi terkini daripada sistem Internet Pelbagai Benda (IoT), perkhidmatan Protokol Internet (IP) dan makmal kepada kemudahan pembuatan kontrak dengan teknologi canggih.

"Taman MRANTI dilengkapi infrastruktur moden, termasuk jalur lebar berkelajuan tinggi dan teknologi 5G serta insentif dan peluang pembiayaan, juga direka untuk menarik golongan profesional muda, serta mewujudkan laluan yang stabil bagi bakat berkemahiran tinggi, jangka dapat mencipta lebih 8,000 peluang pekerjaan baharu," katanya.

Ismail Sabri berkata, lima kluster teknologi sedang dibangunkan di Taman MRANTI, iaitu teknologi dron, pertanian, kesihatan, biosains dan pemboleh IR4.0 dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM20 bilion dan nilai pulangan sebanyak RM2.8 bilion melalui pajakan tanah oleh MRANTI kepada pelabur.

Dalam ucapan sama, beliau mengumumkan penjenamaan semula MIMOS Berhad kepada MIMOS Global bagi melambangkan imej baharu lebih meluas, bersesuaian dengan daya saing bidang teknologi yang tidak mengenal sempadan.

BERITA HARIAN

7 OKTOBER 2022

BH | PENINGKATAN KADAR HUTANG NEGARA PERLU DITANGANI | MS 9

Jumaat, 7 Oktober 2022

Sidang Dewan Rakyat

Peningkatan kadar hutang negara perlu ditangani

Kerajaan diminta ambil tindakan pembetulan

Kuala Lumpur: Peningkatan hutang negara yang tinggi tidak boleh dibiarkan berterusan dan kerajaan mesti mengambil langkah pembetulan supaya ia dapat dikawal.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata pinjaman kasar kerajaan sebanyak RM217.201 bilion pada 2021, menjadikan hutang negara meningkat kepada RM979.814 bilion, peningkatan 11.4 peratus, berbanding 2020 dan 63.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK).

Nik Azman berkata, situasi yang mengakibatkan peningkatan hutang itu mempunyai asas dan difahami kerana pada tahun lalu, sebahagian pinjaman digunakan untuk menangani COVID-19 dan penjana ekonomi, bagi membantu individu serta syarikat yang terjejas.

"Cuma kita bimbang, kenaikan hutang ini tidak boleh berterusan. Ini patutnya menjadi langkah jangka pendek sahaja.

"Pada pandangan kita, kerajaan harus mengambil ini sebagai langkah sementara dan mengambil tindakan pembetulan supaya peningkatan hutang ini dapat dikawal dan senang diurus," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Wong Kah Woh.

Beliau berkata, ia susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 dan LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Tahun 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam.

Selain angka peningkatan hutang itu, LKAN juga menyatakan, pinjaman kasar kerajaan pada 2021 sebanyak RM217.201 bilion, peningkatan 11.6 peratus berbanding 2020.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM113.764 bilion atau 52.4 peratus digunakan untuk membayar

prinsipal matang.

Bayaran faedah meningkat

Mengulas perkara berkenaan, Nik Azman berkata, disebabkan peningkatan hutang, bayaran faedah hutang negara juga meningkat.

"Ini faedah baharu, sedangkan separuh daripada hutang baharu digunakan untuk membayar hutang lama. Ini tidak boleh dibenarkan berterusan.

"Walaupun kita faham ini langkah sementara, tugas kita sebagai juruaudit untuk memberi penekanan kepada perkara ini," katanya.

Sementara itu, Kah Woh berkata, PAC turut bimbang mengenai trend peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan itu.

Katanya, walaupun Penyata Kewangan Kerajaan Tahun 2021 itu diberikan Sijil Ketua Audit Negara tanpa teguran, terdapat perkara yang ditegas Ketua Audit Negara yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan.

Cuma kita bimbang, kenaikan hutang ini tidak boleh berterusan. Ini patutnya menjadi langkah jangka pendek sahaja

Nik Azman Nik Abdul Majid,
Ketua Audit Negara



3,919 graduan Universiti UCSI hadir konvokesyen

Majlis ke-35 diadakan selepas dua tahun negara harungi pandemik

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 3,919 graduan Universiti UCSI akan bergraduasi pada majlis Konvokesyen Universiti UCSI ke-35 yang berlangsung tiga hari di Kampus Kuala Lumpur, bermula hari ini.

Majlis konvokesyen UCSI ke-35 itu diadakan selepas dua tahun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19.

Universiti UCSI dalam kenyataan, berkata graduan yang hadir pada istiadat konvokesyen kali ini diraikan dengan kehadiran

Pro-Canselor Universiti UCSI, Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz; Pengerusi Majlis Universiti UCSI, Datuk Peter Ng dan Naib Canselor Universiti UCSI, Profesor Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir serta disaksikan tetamu dan ahli keluarga graduan.

Katanya, pada majlis sama UCSI turut menyampaikan gelaran penghormatan kepada profesor kanan dan tokoh terkemuka yang cemerlang dalam bidang masing-masing.

Menurut kenyataan itu, Tunku Zain Al-'Abidin dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedokteran dalam Polisi Pendidikan dan Kepimpinan atas khidmat bakti kepada universiti dan industri manakala penerima gelaran Profesor Tersohor (Distinguished Professor) diberikan kepada ahli akademik, Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid; Profesor Dr Phang Siew Moi serta Profesor Ts Dr Ooi Keng Boon atas kepakaran dalam disiplin masing-masing.

"Sempena majlis konvokesyen itu, UCSI turut memberi penghormatan Valedictorian Kelas 2022 kepada Nicholas Wong Jian Yao dan Anugerah Pingat Emas Pro-Canselor kepada Lavinia Ng Yenyun atas pencapaian cemerlang mereka dalam akademik.

"Nicholas adalah graduan Ijazah Doktor Perubatan dari Kampus Springhill (Port Dickson) yang mempamerkan sifat pelajar contoh dengan keputusan akademik cemerlang, manakala Lavinia menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Seni dengan kepujian dalam Pengurusan Hospitaliti (Kampus Kuching)," kata kenyataan itu.

Bangga pencapaian pelajar

Sementara itu, Siti Hamisah berkata, beliau berbangga dengan pencapaian pelajar meskipun mereka terpaksa berdepan dengan pandemik, masih mampu mempamerkan kecemerlangan masing-masing.

"Tahniah saya ucapkan kepada semua graduan Kelas 2022. Kami bangga dengan kejayaan anda semua. Tentunya dua tahun itu banyak menguji dan kalau tidak semua pun, pastinya kebanyakan daripada anda terpaksa berdepan pelbagai cabaran ketika belajar. Walau apa pun rintangannya, anda semua berjaya," katanya.

UCSI berada di kedudukan ke-204 terbaik dunia, sekali gus menempatkan diri dalam kelompok 0.9 peratus dalam QS World University Rankings 2023.

Setiap tahun, pelajarnya dipilih menyertai penyelidikan berimpak tinggi di universiti terbaik dunia termasuk Harvard University, Imperial College dan the University of Queensland.

Melalui kaji selidik terkini Kementerian Pendidikan (KPM), kesemua program yang ditawarkan menunjukkan skor 100 peratus daripada segi kebolehsasaran.

Tahniah saya ucapkan kepada semua graduan Kelas 2022. Kami bangga dengan kejayaan anda semua. Tentunya dua tahun itu banyak menguji dan kalau tidak semua pun, pastinya kebanyakan daripada anda terpaksa berdepan pelbagai cabaran ketika belajar



Siti Hamisah Tapsir, Naib Canselor Universiti UCSI

Katanya, ini menunjukkan graduan UCSI kekal relevan di pasaran dan diiktiraf oleh industri dari dalam mahupun luar negara.

Setakat hari ini, universiti telah bekerjasama dengan lebih 4,600 syarikat global bagi menjalani program latihan industri selain membuka peluang pekerjaan kepada pelajar.

12 OKTOBER 2022

SINAR | PROJEK BETTERSEA POWER STATION DIBUKA KEPADA UMUM | MS 29

SINAR HARIAN • RABU 12 OKTOBER 2022

MALAYSIA BERINTEGRITI **BISNES** 29

Bukti kejayaan syarikat Malaysia bangukan projek komersial di London

Projek Battersea Power Station dibuka kepada umum

LONDON

Selepas tidak aktif selama beberapa dekad, Battersea Power Station yang dipulihkan serta ditukar menjadi pusat beli-belah dengan 100 kedai, bar, restoran dan riadah akan dibuka untuk warga London termasuk pelawat yang mahu meneroka mercu tanda ikonik yang disenaraikan di bawah Gred II.

Bangunan bersejarah itu dimiliki oleh konsortium Malaysia dengan Sime Darby Property memiliki 40 peratus, S P Setia (40 peratus), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (20 peratus) serta aset komersial dalam bangunan stesen janakuasa itu kini dimiliki secara langsung oleh Permodalan Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Pengurusan pembangunan sedang dijalankan oleh Battersea Power Station Development Company (BPSDC) yang berpangkalan di Britain.

Battersea Power Station ber-

nilai £9 bilion (£1=RM5.14) akan dilancarkan menjelang 12 Oktober ini dan ia akan dibuka kepada umum secara rasmi pada 14 Oktober ini.

"Bagi menandakan detik bersejarah ini, 'Festival Kuasa' selama lima hari akan berlangsung mulai 14 Oktober dengan aktiviti dan persembahan mesra keluarga percuma sebagai meraikan warisan unik bangunan itu dan sumbangannya kepada budaya British," kata BPSDC baru-baru ini.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dijadual merasmikan pembukaan Battersea Power Station.

Semasa lawatan khas ke United Kingdom (UK) tahun lepas, Al-Sultan Abdullah menzahirkan rasa bangga dengan keupayaan serta kejayaan syarikat milik Malaysia dan agensi kerajaan yang menjalankan per-



Projek pembangunan semula Battersea Power Station bukan sahaja dibida oleh syarikat Malaysia, malah turut dilakukan syarikat antarabangsa lain.

niagaan serta pelaburan di UK. 'Festival Kuasa' akan dibuka dengan acara *Lords of Lightning Arcadia*, persembahan elektrik yang melepaskan berjuta-juta tenaga voltan daripada karektor yang berpakaian kalis elektrik

pada 14 Oktober ini mulai jam 7 petang, kata Sime Darby Property dalam satu kenyataan baru-baru ini.

"Pengunjung juga boleh menikmati pelbagai bentuk hiburan termasuk akrobat dan pengaktif-

an jenama.

"Sorotan lain termasuk pengiraan detik rasmi pembukaan pintu Battersea Power Station pada 10 pagi yang akan akan berlangsung di Malaysia Square, selatan bangunan itu," katanya.

Sepanjang 'Festival Kuasa', pengunjung boleh menikmati muzik secara langsung termasuk persembahan khas daripada Koir Komuniti Battersea Power Station susulan detik pengiraan, *Emerge Showcase* daripada *World Heart-Beat Music Academy* dan Setia Drummers, rombongan pemain dram Malaysia.

Projek Battersea Power Station meliputi 16.99 hektar dan merangkumi ruang komersial bercampur seluas 3.5 meter persegi, bersama-sama dengan 4,239 rumah baharu.

Kejayaan penjaanaan semula Battersea Power Station mewujudkan 20,000 pekerjaan, menjana peluang kerjaya jangka panjang. Kemudahan perubatan NHS yang baharu juga sedang dibina. - *Bernama*

13 OKTOBER 2022

HARIAN METRO | RASULULLAH MENGINGATI UMATNYA SEPANJANG MASA | MS 15

Harian Metro | Khamis 13.10.2022 @hmetromy | HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my 15

addin

KASIH SAYANG NABI SAW

Rasulullah mengingati umatnya sepanjang masa

Fahimi Zakaria



PERLUANG Rasulullah dan sahabatnya membekalkan kita merasai nikmat keimanan.

di medan tempur, namun Islam yang dibawa pada zaman ruhowwah terpaksa melalui pelbagai mehan dan tribulasi sehingga nyawa menjadi taruhan. Pengorbanan besar baginda ini sewajarnya dihayati seterusnya dijamin dalam kehidupan Muslim sepanjang masa.

Abdullah bin Amru bin al-As pernah menceritakan bahawa ketika baginda membawa pernah menunggang tangan lalu berdoa: "Ya Allah, kasihanilah umatku kasihanilah umatku", lalu baginda menangis. Lalu Allah SWT menyuruh Jibril AS bertanya kepada baginda apa yang membuatkan baginda menangis. Jawab baginda seperti yang didoakan itu, lalu pulanglah Jibril AS menyampaikan hal terangan baginda itu kepada Allah SWT. Firman Allah SWT: "Wahai Jibril! pergilah kepada Muhammad dan katakan kepadanya sesungguhnya Kami (Allah) akan menjadikan dirimu reda dengan masalahmu (perihal umatmu) itu dan kami tidak akan menyakitimu (mensia-siakan doamu)." **(Riwayat Muslim)**

Apot semangat cinta kepada baginda sentiasa bertambah dengan penghayatan kisah hidup baginda. Baginda tidak memilih untuk selamat seorang diri di akhirat nanti, sebaliknya berusaha dengan penuh jiwa dan tenaganya supaya umatnya juga berasama-sama menikmati kebahagiaan di syurga.

Ingatlah bahawa kita (umat Rasulullah SAW) adalah umat paling mulia yang diabikan di atas muka ini seperti yang dinyatakan dalam al-Quran (Surah al-Insan ayat 10), namun kemuliaan ini hanya jika kita melaksana perintah Allah SWT -lalu mengajik manusia untuk melakukan kebaikan dan malarang daripada melakukan kemungkarannya serta kita menjadi bamba yang beriman kepada Allah SWT. Semoga kita sentiasa beresyahir dengan kehadiran Rasulullah SAW ke dunia ini yang membawa sejuta rahmat buat seluruh alam, alhamdulillah terima kasih ya Allah kerana menghadihkan Rasulullah SAW yang sangat istimewa buat

kami umat akhir zaman ini. Kesungguhan perjuangan baginda dan sahabatnya membawa agama Islam sehingga kami dapat merasai kemuliaan iman dan kehidupan sebagai seorang Muslim.

Marilah kita sentiasa mendokan kesejaheraan baginda dengan bersewata ke atasnya dan berusaha menghidupkan sunahnya dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara kita.

Melazimi selawat dan salam ke atasnya akan membaikkan kita sentiasa mengingati baginda dan seterusnya menghidupkan sunahnya walau sececil mana sekalipun sebagai tanda syukur kepada Allah SWT dan bukti cinta kepada Rasulullah SAW. Semoga baginda mengenali kita nanti di Padang Mahyar sebagai umatnya yang sentiasa dirindui, amin. InshaAllah.

Penulis Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam

Kehadiran Rasulullah setiap tahun pastinya menjadi balai yang sangat bermakna kepada seluruh umat Rasulullah SAW yang sentiasa merindui baginda. Hal ini kerana Rasulullah adalah bulan kelahiran baginda yang bukan hanya dinantikan oleh ibu tercinta saja, tetapi seluruh makhluk ciptaan Allah SWT. Rasulullah SAW lahir membawa rahmat kepada sekalian alam, membentuk akhlak manusia, menyampaikan risalah Allah SWT, mengajik manusia beriman dan menentang mereka mencabar ajaran Islam sehingga ke titisan darah yang terakhir.

Baginda manusia yang sangat lemah-lembot kepada orang yang beriman, namun baginda juga manusia yang paling tegas terhadap orang yang kafir kepada Allah SWT.

Jika kita mungkin hanya mengingati baginda pada hari kelahirannya, ketahuilah bahawa baginda mengingati kita sepanjang masa. Ibu Hisyam memikikan sebuah kisah yang dirwayatkan oleh Imam Muslim bahawa suatu hari Rasulullah SAW menangi di hadapan sahabatnya. Hal ini membuatkan sahabat tertanya-tanya apa yang terjadi ke atas Rasulullah SAW. Lalu Rasulullah menyatakan bahawa baginda merindui saudaranya. Abu Bakar RA bertanya siapakah saudara yang dimaksudkan baginda itu? Sabda baginda: "Mereka orang datang selepasku dan tidak pernah melibatkan, namun mereka beriman kepadaku" (Al-Sirah al-Nabawiyah).

Mudah-mudahan kitalah yang dimaksudkan sebagai saudara (ikhwani) di dalam hadis ini lantaran kita umat baginda yang beriman dengannya meskipun tidak pernah melihat wajahnya. Baginda sanggup menghadapi segala keperitan hidup demi memastikan Islam sampai ke seluruh hazi manusia. Justeru baginda terpaksa mengharungi pelbagai ujian seperti diantar satu sehingga cedera tubuh baginda, dilempar najis, dipulau sehingga berhadapan dengan ancaman bunuh. Kita hari ini dapat merasai nikmat iman dan Islam tanpa perlu beribrah ke mana-mana mahupun berperang

AL-HAQ
Sehari sepotong ajat
"Menda orang-orang baik
lagi tidak mudah (mengajak
zabanya)."
(Surah al-Ma'idah, ayat 10)

Ringan beban **28,278** penuntut

PTPTN peruntuk RM42.4 juta sedia Wang Pendahuluan Pinjaman RM1,500 bagi setiap penerima

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus komited membantu penuntut yang akan memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan menyediakan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP).

PTPTN menyediakan WPP dengan peruntukan berjumlah RM42.4 juta kepada seramai 28,278 penuntut yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA bagi kemasukan sesi Oktober 2022.

Sejak diperkenalkan pada 1999 sehingga 31 Ogos lalu, seramai 954,465 penuntut sudah menerima manfaat WPP dengan peruntukan berjumlah RM1.41 bilion.

Menerusi WPP, sebanyak RM1,500 akan diberikan kepada setiap penuntut warga negara Malaysia yang bersejua menerima bantuan itu



DR Apli (kanan) diiringi Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Terengganu, Azizah Nasik@Abd Rashid (kiri) menyampaikan surat tawaran WPP kepada pelajar di Kuala Nerus, Terengganu.

melalui saluran ditetapkan PTPTN dan ibu bapa atau penjaga pelajar adalah penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) serta memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Pengerusi PTPTN Dr Apli Yusoff berkata, inisiatif pemberian WPP PTPTN itu adalah untuk membantu menampung sebahagian

perbelanjaan bagi persiapan awal penuntut baharu memasuki IPTA.

Menurutnya, di Terengganu seramai 1,825 penuntut ditawarkan WPP dengan peruntukan berjumlah RM2.7 juta.

Katanya, bagi kawasan Kuala Nerus pula, seramai 239 penuntut membabitkan

peruntukan berjumlah RM358,500.

"PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha membantu ibu bapa dan penuntut yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA sekali gus komited memastikan tiada penuntut yang tercicir ke IPTA.

"Tahniah dan syabas kepada semua penuntut kerana berjaya melangkah ke menara gading.

"WPP PTPTN yang diterima penuntut ini haruslah digunakan dengan sebaik mungkin.

"Tunjukkanlah rasa syukur dan terima kasih dengan belajar bersungguh-sungguh sehingga menjadi modal insan unggul kepada negara," katanya selepas sesi ziarah ke rumah penuntut di kawasan Kuala Nerus, baru-baru ini.

Tempoh sah laku WPP itu adalah selama dua bulan bermula 5 Oktober hingga 5 Disember dan penuntut yang berjaya kini sudah boleh menunaikan WPP di kaunter Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan membawa surat tawaran WPP dan juga MyKad penuntut (wakil adalah tidak dibenarkan).

Penuntut yang membuat permohonan pinjaman PTPTN bagi tempoh 1 Sep-

tember hingga 30 September sudah boleh membuat semakan kelulusan pinjaman.

Penuntut belum mengemukakan permohonan, boleh membuat permohonan secara dalam talian melalui portal rasmi PTPTN sehingga 31 Oktober ini bagi kelompok kedua untuk memastikan pinjaman dapat diproses dan diluluskan seawajarnya.

Penuntut juga boleh merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPT masing-masing atau terus menghubungi PTPTN sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

Maklumat lanjut berkenaan WPP dan pinjaman PTPTN, layari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my.

Penuntut juga boleh mendapatkan maklumat pinjaman dengan cepat, mudah dan selamat melalui aplikasi mudah alih myPTPTN.

Pasaran global cecah **AS\$200b**

Rakyat digesa ambil peluang menceburi industri jualan langsung berikutan potensi menguntungkan

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Rakyat di negara ini amat digalakkan menceburi industri jualan langsung berikutan potensi dan nilai jualannya sangat menguntungkan bukan saja dalam negara malah di peringkat dunia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ini dibuktikan apabila industri jualan langsung kini beroperasi di lebih 100 negara dengan saiz pasaran global bernilai AS\$200.1 bilion dan dijangka mencecah AS\$286.7 bilion menjelang 2028.

Katanya, berdasarkan Laporan Jualan Peruncitan Jualan Langsung Global 2021 yang dikeluarkan oleh Persekutuan Persatuan Jualan Langsung Dunia, Malaysia cemerlang apabila berada pada kedudukan keenam di peringkat global dan tempat keempat di Asia Pasifik dari segi rekod nilai jualan. Menurutinya, pencapaian



NANTA Linggi (dua dari kanan) mengadakan lawatan ke gerai pameran dan jualan pada Perasmian Hari Industri Jualan Langsung Peringkat Negeri Melaka 2022 di Mahkota Parade, Melaka.

nilai jualan industri Jualan Langsung Malaysia bagi 2020 pula berjumlah RM25.7 bilion, peningkatan sebanyak 19.53 peratus dari tahun sebelumnya (RM21.5 bilion tahun 2019).

"Pencapaian ini membuktikan bahawa pertumbuhan industri jualan langsung adalah amat dinamik dan mampu berkembang menjadi satu industri besar yang menyumbang kepada ekonomi domestik negara.

"Ia menunjukkan Malaysia sangat aktif dan penting dalam bidang ini, sebab itu kita lancarkan Hari Industri Jualan Langsung (HIJL) ini.

"(Justeru) kementerian sangat menggalakkan minat dalam kalangan rakyat untuk menceburi bidang ini dan giat mempromosikannya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Industri Jualan Langsung Peringkat Negeri Melaka 2022 di pusat beli-belah

Mahkota Parade, di sini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Penerangan, Sumber Manusia dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem dan Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar.

HIJL 2022 peringkat Negeri Melaka dilancarkan bertujuan untuk menggerakkan industri jualan langsung yang berperanan besar dalam merancakkan ekonomi baik di Melaka dan seluruh

negara.

"Setakat 1 Oktober terdapat 398 Lesen Jualan Langsung diluluskan dan masih sah untuk menjalankan operasi perniagaan berkonsepkan Jualan Langsung. Enam daripadanya syarikat berdaftar di Melaka," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai tindakan penguatkuasaan dilakukan kementerian dalam mengawal selia industri itu, katanya sebanyak 34 syarikat dibatalkan lesen setakat ini.

"Kita ada akta tertentu untuk mengawal industri jualan langsung ini supaya lebih terkawal dan (menjalankan) aktiviti perniagaan sah.

"Sebabnya ia selalu disalah anggap sebagai perniagaan berasaskan skim piramid atau skim cepat kaya. Itu tidak dibenarkan.

"Penguat kuasa setakat ini sudah membatalkan lesen 34 syarikat kerana pelanggaran peraturan membatalkan 26 kes dengan nilai rampasan RM4.2 juta bagi tempoh 2020 sehingga 2022.

"Sebanyak RM71,000 kompaun dan denda RM148,000 dikenakan kepada mereka yang bersalah," katanya.

Terdahulu dalam ucapan-

nya Nanta Linggi berkata, kementerian sedar banyak pihak masih menganggap industri itu mempromosikan perniagaan berasaskan skim piramid atau skim cepat kaya, biarpun sudah terbukti mampu menjadi sumber untuk menjana pendapatan melalui syarikat pemegang Lesen Jualan Langsung yang sah.

"Industri jualan langsung ini juga menyumbang dengan ketara kepada pembangunan kemahiran, pertumbuhan teknologi, pertumbuhan sektor PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) dan pemerksaan wanita yang juga warga majoriti (64 peratus) aktif dalam industri ini.

"Penting untuk mengawal selia syarikat jualan langsung supaya mempunyai lesen yang sah daripada Kementerian," katanya.

Dalam ucapannya juga Nanta Linggi menyentuh Pelan Hala Tuju Jualan Langsung (PHTJL) 2021-2025 yang dilancarkan penghujung Mei lalu bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri jualan langsung negara serta meningkatkan nilai jualan sektor berkenaan menjelang 2025.

17 OKTOBER 2022

HARIAN METRO | LAHIR USAHAWAN SISWAZAH MUDA | MS 27

Harian Metro | Isnin 17.10.2022

@hmetrom

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bike Spa 4447 (Bike Spa) merancang menjalin kerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi melahirkan usahawan francais Bike Spa di seluruh negara.

Pengarah Urusannya, Rezal Hadi berkata, pihaknya masih dalam proses perbincangan dengan pihak terbabit dan menyasarkan membuka cawangan francais di Pahang dan Johor, bermula tahun depan.

Katanya, syarikat berharap dapat membuka lebih banyak cawangan Bike Spa di setiap negeri dan menjadi pusat sehenti bagi penjagaan lengkap motosikal.

"Dalam tempoh lima tahun, kita nak setiap negeri ada cawangan Bike Spa dan kami mengalu-alukan golongan belia menceburi bidang perniagaan ini kerana mempunyai permintaan.

"Jenama Bike Spa ini ada pengikut tersendiri dan asalnya, pemilik lama menutup operasi ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) berikutan dia berpindah ke Kuantan. Sejak itu, saya ambil alih dan sambutan begitu menggalakkan daripada pelanggan.

"Di Bike Spa, kami menawarkan bukan sahaja khidmat cucian motosikal berkuasa kecil dan besar, malah kami pakar dalam penjagaan motosikal berkuasa besar kerana ia tidak boleh dicuci sembarangan (terdapat banyak sensor).

Lahir usahawan siswazah muda

Bike Spa 4447 rancang kerjasama dengan institusi pengajian tinggi buka francais seluruh negara



REZAL (kanan) melihat pekerja mengilatkan motor pelanggan di premis Bike Spa 4447 Taman Sri Sentosa. - Gambar NSTP/EFFENDY RASHID

"Selain itu, kami turut mempunyai khidmat *polish, detailing dan coating* serta semua servis membabitkan keperluan penjagaan motosikal," katanya.

Menurutnya, Bike Spa turut menawarkan perkhidmatan tukar minyak enjin

dan beliau berpengalaman dengan dunia permotoran seperti Asia Road Racing dan Kejuaraan Superbike Malaysia (MSBK).

"Saya mahu jadikan Bike Spa pusat sehenti permotoran dan disebabkan itu pelanggan tahu kualiti per-

khidmatan kami tawarkan bukan sembarangan.

"Dari segi harga servis di Bike Spa bermula dari RM15 hingga RM180. Untuk melihat hasil kerja kami boleh melayari Facebook (Bikespa 4447 & Garage) atau TikTok (BikeSpa4447)," katanya.

Rancang tambah baik data inflasi

Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merancang untuk melaksanakan statistik perbelanjaan dan kadar inflasi yang lebih menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai peringkat umur tertentu bagi menyediakan dapatan lebih spesifik.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, pihaknya akan mengambil pendapatan dari golongan muda, dewasa dan pencen selain menggunakan pendekatan sedia ada yang digunakan sekarang.

Katanya, pendekatan ketika ini hanya menggunakan had pendapatan tertentu untuk menilai pola perbelanjaan yang memiliki hubungan kait dengan penetapan kadar inflasi di peringkat nasional atau negeri.

"DOSM bercadang untuk mengeluarkan statistik lebih menyeluruh dengan mengambil kira corak perbelanjaan warga tua dan muda bagi mendapatkan angka kadar inflasi yang lebih spesifik.

"Memang ada proses tertentu dari segi pengiraan yang kita gunakan dan sekarang kita sedang melaksanakan kajian mengenai pola perbelanjaan rakyat Malaysia.

"Oleh itu,



"Kami akan buat pengiraan mengikut had umur"
Mohd Uzir

kami akan buat pengiraan mengikut had umur kerana corak perbelanjaan warga tua berbeza dengan muda dan ada baru keluarga.

"Sebagai contoh, ketika ini kami menggunakan had pendapatan RM3,000 ke bawah. Jadi, dengan menggunakan pendekatan lebih komprehensif, ia akan menghasilkan data yang lebih baik.


"Ia boleh dilaksanakan dengan menggunakan metodologi tertentu," katanya sempena sambutan Hari Statistik Negara (HSN) dan Sambutan Sedekah Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) secara maya di sini, semalam.

Sementara itu, mengenai HSN, beliau berkata, sambutan sejak 2017 itu adalah untuk meningkatkan kepentingan statistik sebagai asas kemakmuran kehidupan bermasyarakat dan negara.

Mohd Uzir berkata, HSN dilihat dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan komuniti mengenai kepentingan statistik negara.

Menurutnya, HSN disambut untuk mengiktiraf sumbangan ahli statistik di Malaysia terutama dalam pengurusan statistik rasmi berdasarkan asas perkhidmatan, integriti dan profesionalisme serta dapat memperkukuhkan lagi kerjasama dengan pihak berkepentingan khususnya bagi proses pengumpulan data.

Beliau berkata, impak HSN adalah dapat mendekati DOSM sebagai agensi pusat hab data statistik dengan fokus memberi kesedaran dan kefahaman tentang statistik kepada masyarakat sama ada agensi kerajaan, swasta dan awam.



GABUNGAN menuntut supaya DEB2.0 dirangka dan dilaksanakan.

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Gabungan badan bukan kerajaan (NGO) meminta supaya pemerkasaan ekonomi Melayu Bumiputera menjadi manifesto wajib Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15).

Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Abdul Halim Husin berkata, lebih 50 NGO bersetuju untuk menyaran manifesto wajib PRU-15.

Katanya, antara manifesto itu termasuk menubuhkan Kementerian Hal Ehwal Melayu yang turut memperjuangkan artikel 153 dan 160 (Tanah Rizab Melayu) dengan Perdana Menteri Malaysia sebagai menteri bertanggungjawab.

"Dengan adanya kuasa berpusat ini, usaha merancang dan memperkasa ekonomi Melayu akan lebih terasusua dan pelaksanaan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 yang

50 NGO SYOR MANIFESTO WAJIB PRU-15 MANTAPKAN EKONOMI BUMIPUTERA

sudah dirangka Pengerusi Agenda Bumiputera (Teraju), yang akan mengambil peranan setara Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) sekiranya Kementerian Hal Ehwal Melayu berjaya ditubuhkan, akan lebih jelas dan tegas.

"Dasar Ekonomi Baru (DEB) 2.0 juga perlu dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan dan menghapus sistem pekerjaan mengikut kaum di mana Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) adalah harapan terakhir kepada usaha merapatkan jurang perbezaan, menyediakan padang per-

mainan sama rata dan mencipta kemakmuran bersama.

"Atas dasar itu, maka gabungan ini menuntut supaya DEB2.0 dirangka dan dilaksanakan. Jika DEB1.0 berkisar soal membasmi kemiskinan tegar, DEB2.0 perlu mengambil kira sasaran lebih mampan seperti kriteria syarikat berstatus Bumiputera bagi menyertai perolehan kerajaan pusat, negeri dan GLC perlu dinaiktaraf daripada 51 kepada 100 peratus.

"Ini bagi memastikan peruntukan besar Bumiputera sampai kepada sasaran, se-

kali gus membanteras kegiatan Alibaba dan rantaian bekalan Melayu perlu dibina terutama dalam sektor strategik membabitkan keselamatan makanan, pembinaan, telekomunikasi, ekosistem halal, peruncitan dengan sasaran minimum 50 peratus daripada keseluruhan pasaran pengguna domestik," katanya.

Menurutnya, memahami kepentingan menjayakan sektor perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) MTEM juga menuntut supaya tanggungjawab ini turut digalas Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM).

20 OKTOBER 2022

SINAR HARIAN | PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JANA RM15,000 SEBULAN | MS 26

26 NEGERI

PRU MALAYSIA
BERINTEGRITI
PILIHAN RAYA UMUM KE-15

KELANTAN • TERENGGANU • KEDAH

KHAMIS 20 OKTOBER 2022 • SINAR HARIAN

Tawar khidmat *mobile spa* hanya melalui media sosial

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
ALOR SETAR

Minat mendalam dalam bidang keusahawanan dan kecantikan melayakkan seorang pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani merangkul Anugerah Keusahawanan Kolej Komuniti.

Nur Aliya Saffiya Mohd Azhan, 23, yang juga pemegang Diploma Terapi Kecantikan terpilih menerima anugerah tersebut berdasarkan pencapaian pendapatan bulanan tertinggi iaitu sebanyak RM15,000.

Dia yang juga pemilik Yaya Saffiya Empire berkata, perkhidmatan *mobile spa* yang diusahakannya mendapat sambutan menggalakkan walaupun hanya menggunakan media sosial sebagai teknik pemasaran.

"Semua ini bermula sejak saya berusia 20 tahun lagi ketika dalam bidang pengajian Sijil Terapi Kecantikan dan Spa di kolej sama.

"Selepas habis kelas, saya akan turun ke bilik spa Kolej Komuniti Sungai Petani

untuk menyediakan servis rawatan kepada pelanggan," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Menurutnya, walaupun hanya menerima upah daripada pengurus spa ketika itu, namun pengalaman yang diperoleh sepanjang bekerja tidak ternilai harganya.

"Saya tidak pernah terfikir akan menjadi usahawan seperti hari ini tetapi keinginan untuk mencari duit sendiri menyebabkan saya terus berniaga sehingga kini," katanya yang berhasrat mengeluarkan produk kecantikan jenamanya sendiri.

Tambahnya, ada sesetengah pelajar enggan memilih kolej komuniti untuk menyambung pelajaran kerana pelbagai stigma dan tanggapan negatif.

Bagaimanapun, menurut Nur Aliya Saffiya, kolej komuniti sebenarnya memberi banyak peluang perniagaan kepada pelajar, selain kemahiran-kemahiran tertentu.

Pelajar kolej komuniti jana RM15,000 sebulan

Inspirasi@sinar



Nur Aliya Saffiya menerima Anugerah Keusahawanan Kolej Komuniti pada Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Kedah dan Perlis baru-baru ini.